

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membawa masuk lebih pelancong ke Sarawak terutamanya di Sibu dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan bagi tahun 2019 bagi sektor pelancongan di Sibu dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sektor pelancongan telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sebanyak RM84.1 bilion pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 2.4 peratus berbanding tahun 2017 sebanyak RM82.2 bilion menerusi ketibaan kira-kira 25.8 juta orang pelancong antarabangsa ke negara ini. Pelbagai inisiatif berterusan sedang dijalankan untuk mempromosikan Malaysia dengan jumlah ketibaan pelancong ke Sarawak yang direkodkan pada tahun 2018 adalah sebanyak 4.4 juta orang pelancong merangkumi pecahan 2.3 juta pelancong domestik disusuli dengan 2.1 juta pelancong antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak memberikan dana dalam bentuk wang ringgit kepada mana-mana negeri. Walaubagaimanapun Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia (TM) membantu dari segi penyertaan dalam promosi produk pelancongan di pameran-pameran antarabangsa dan persekutuan.

Di antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh TM untuk membawa lebih pelancong ke Sarawak terutamanya Sibu adalah seperti yang berikut:

1. Promosi pakej-pakej pelancongan istimewa dengan tawaran harga yang menarik melalui kerjasama dengan industri pelancongan tempatan termasuklah para agensi pelancongan, hotel-hotel, para pengusaha produk pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan syarikat-syarikat swasta. Sebagai contoh, kerjasama dengan Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia Cawangan Negeri Sarawak (MATTA Chapter) dalam menganjurkan pameran MATTA Fair di Sibu pada 28 – 30 September 2018 di Swan Square, Sibu bagi mempromosikan Sarawak terutamanya Sibu sebagai destinasi pelancongan yang menjanjikan kepelbagaian produk. Sebanyak sembilan (9) syarikat ejen pelancongan, satu syarikat perbankan dan Telekom Malaysia telah menyertai Pameran MATTA Sibu 2018 tersebut;
2. Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sarawak Tourism Board dalam meningkatkan lagi kerjasama promosi secara *smart partnership* dengan syarikat-syarikat penerbangan asing bagi merangsangkan lebih banyak penerbangan terus dan secara *charter* ke Malaysia dari pasaran jarak jauh dan sederhana terutamanya penerbangan dari Singapura. Sehingga kini, terdapat pertambahan penerbangan terus Singapura - Kuching menerusi syarikat penerbangan Scoot, Malaysia Airlines dan Air Asia memberikan 706 tempat duduk setiap hari. Menurut Sarawak Tourism Board, pakej percutian 3 Hari 2 Malam ke Sarawak menjadi kegemaran pelancong Singapura terutama bahagian tengah Sarawak dari Sibu, kawasan hilir Batang Rejang, Kapit dan Bintulu; dan
3. Menfokuskan lebih usaha ke arah peningkatkan ketibaan pelancong terutamanya dari pasaran ASEAN dengan menyasarkan kepada '*repeat visitors*' dari pasaran ASEAN untuk melancong ke Malaysia terutamanya ke Sarawak.

**NO. SOALAN : 83**

Sibu yang terletak di Wilayah Tengah Sarawak, Kepulauan Borneo mempunyai keluasan 129.5 kilometer persegi serta didiami oleh populasi penduduk seramai 200,000 orang. '*Sibu Heritage Trail & Sibu Street Art*' telah diwujudkan oleh Lembaga Pelancongan Sarawak sempena Tahun Melawat Sibu 2017 dan usaha ini akan diteruskan oleh Kementerian bagi merealisasikan rancangan Tahun Melawat Malaysia 2020. Tumpuan tempat-tempat pelancongan dalam '*Sibu Heritage Trail & Sibu Street Art*' ini adalah *Sibu Old Mosque, An-Nur Mosque, Memorial Museum – Lau King Howe Hospital, Tua Pek Kong Temple, Sibu Heritage Centre, Warriors Memorial Site, Oldest Muslim Cemetery, Hoover Memorial Square*, dan *Sibu Central Market*.

Acara 2019:        Sibu Tower Run  
                      Borneo Cultural Festival & Sibu Street Art Festival  
                      Sibu International Dance Festival  
                      Pesta Sibujaya 2019  
                      Sibu International Base Jump 2019  
                      Borneo Talent Awards  
                      Sibu Christmas Tree Decoration Contest  
                      Sibu Bike Week  
                      New Year Countdown 2020

*Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak*

Pakej             :        1001 Packages CCM – Rajang Mangrove, sightseeing,  
                                  *night cruise, spotting fireflies & crocodiles*, morning cruise  
                                  birdwatching

*Sumber: Tourism Malaysia*

Produk           :        *Sibu Old Mosque*  
                                  *An-Nur Mosque*  
                                  *Memorial Museum – Lau King Howe Hospital*  
                                  *Tua Pek Kong Temple*  
                                  *Sibu Heritage Centre*  
                                  *Warriors Memorial Site*  
                                  *Oldest Muslim Cemetery*  
                                  *Hoover Memorial Square*

*Sibu Central Market*

*Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak*

*Taman Jubli Bukit Aup*

*Jade Dragon Temple*

*Tiger Emperor Temple*

*Sibu Town Square Commercial Centre*

*Sibu Night Market*

*Star Mega Mall*

*Sumber: Tripadvisor Malaysia*

Bagi mempromosi bangunan warisan setempat, TM memainkan peranan dalam membangun dan mempromosi “*heritage trail*” yang sedia ada misalnya Kuching Heritage Trail kepada pelancongan asing selain membantu menganjurkan beberapa aktiviti pelancongan dan sukan di kawasan bersejarah ini misalnya Citrawarna Malaysia, Citrarasa dan *Heritage Run*.

TM juga sentiasa bekerjasama rapat dan berhubung dengan agensi pelancongan negeri, majlis daerah dan agensi pembangunan wilayah dalam mengenalpasti produk-produk pelancongan unik yang baharu untuk dibangunkan dan dipasarkan kepada para pelancong. Antara inisiatif yang dijalankan adalah mewujudkan pakej pelancongan khusus seperti 101 Edu-Tourism Pakej.

Promosi dan galakan turut diberikan kepada pengusaha pelancongan tempatan dan pihak pelancongan negeri untuk menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa. Acara-acara pelancongan di bandar warisan turut disenaraikan di dalam risalah Kalendar Acara Pelancongan Negara dan dipromosi melalui platform media sosial.

Di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia KeSembilan (RMKe-9), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM6.82 juta kepada Daerah Sibu bagi Projek Menaiktaraf Homestay Rumah Panjang Bawang

**NO. SOALAN : 83**

Assan; (RM20 ribu, RMKe-10) dan Projek Pelancongan di Taman Tasik Sibu, Sarawak (RM6.8 juta, RMKe-9).

Di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (National Ecotourism Plan-NEP) 2016-2025, Sembilan (9) Kluster Ekopelancongan di Sarawak telah dikenalpasti untuk dipromosikan seperti berikut:

1. Lundu-Sematan-Telok Melano-Tanjung Datu;
2. Bako-Santubong-Kubah-Semenggoh-Bau-Padawan;
3. Sri Aman-Batang Ai-Ulu Sungai Menyang-Maludam;
4. Sibu-Kapit-Tunoh-Baleh-Palagus;
5. Mukah-Daro-Pulau Brait-Tanjung Manis;
6. Bintulu-Bakun-Belaga-Lusong Laku-Nanga Merit-Murum;
7. Miri-Sibuti-Niah-Loagan Bunut;
8. Limbang-Mulu-Gunung Buda; dan
9. Lawas-Bario-Ba'kalalan-Baram.

Sekian, terima kasih.